



PERATURAN PELAWAT DAN PENEMAN PESAKIT HOSPITAL USM

1.0 PENGENALAN

Hospital Universiti Sains Malaysia komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pesakit. Memenuhi keperluan pesakit adalah keutamaan kami dalam memastikan pesakit mendapat perawatan klinikal yang optimum dan penyembuhan yang cepat. Sokongan ahli keluarga merupakan salah satu komponen yang penting dalam memenuhi keperluan sosial dan emosi pesakit yang sedang mendapat rawatan serta menyumbang kepada proses pemulihan pesakit. Peraturan ini bertujuan sebagai panduan kepada semua staf, pesakit, pelawat dan peneman pesakit di Hospital USM dalam memastikan persekitaran yang selamat, aman dan kondusif untuk semua.

2.0 OBJEKTIF

- i. Menerangkan kepada staf, pesakit, pelawat dan peneman pesakit berkaitan peraturan melawat dan menemani pesakit di Hospital USM
- ii. Menerangkan kepada staf, pesakit, pelawat dan peneman pesakit berkaitan tanggungjawab pelawat dan peneman pesakit di Hospital USM
- iii. Menerangkan cara memastikan keselamatan dan keharmonian persekitaran semasa berada dalam kawasan Hospital USM.

3.0 PERATURAN MELAWAT PESAKIT

- i. Pelawat / orang awam hanya dibenarkan melawat pada waktu melawat sebagaimana berikut sahaja.

*Waktu melawat wad terbuka dan wad kritikal	
Ahad – Khamis	5:00 petang sehingga 7:00mlm
Jumaat – Sabtu	12:00 tengahari sehingga 2:00 petang
	5:00 petang sehingga 7:00mlm

*Waktu melawat wad NICU (hanya ibu dan bapa kandung sahaja)	
Ahad – Sabtu	11:00 pagi sehingga 1:00 petang
	2:30 petang sehingga 5:00 petang

*Waktu melawat wad 1 Timur Belakang (hanya ibu dan bapa kandung sahaja)	
Ahad – Sabtu	01:00 petang sehingga 2:00 petang
	05:00 petang sehingga 07:00 malam

* *tertakluk kepada situasi/ arahan pengurusan dari semasa ke semasa.*

- ii. Pelawat ke wad-wad biasa dibenarkan dengan jumlah maksimum **dua orang pelawat** bagi setiap pesakit pada satu-satu masa.
- iii. Semua pelawat hendaklah:
 - a. sihat, tidak bergejala batuk, demam dan selesema
 - b. mencuci tangan menggunakan pensanitasi sebelum dan selepas memasuki wad.
- iv. Semua pelawat digalakkan untuk memakai pelitup muka.
- v. **Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan melawat di semua wad serta semua fasiliti rawatan di Hospital USM** bagi mengelak daripada dijangkiti penyakit dan mengakibatkan gangguan kepada pesakit lain.
- vi. Pelawat ke **wad-wad kritikal dan semi kritikal** hanya dibenarkan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - a. Hanya seorang sahaja pelawat dibenarkan pada satu-satu masa dengan tempoh maksimum berada di wad selama 10 minit sahaja.
 - b. Pelawat dilarang menyentuh pesakit serta peralatan rawatan
 - c. Pelawat diwajibkan memakai pas pelawat pada setiap masa berada di dalam wad dan menyerahkan kembali selepas habis melawat.
- vii. Pelawat tidak dibenarkan di dalam bilik dan wad bersalin Hospital USM.
- viii. Hanya ibu dan suami sahaja yang dibenarkan melawat di Wad 2 Akik, 2 Baiduri dan 2 Topaz.
- ix. Setiap kemasukan pelawat ke wad kanak-kanak hendaklah didaftarkan untuk rekod. Butir-butir seperti nama, pengenalan diri, tarikh dan masa lawatan wajib direkodkan dalam buku lawatan.
- x. Pengawal keselamatan ditempatkan di pintu masuk pelawat untuk mengawal pergerakan keluar masuk dan berhak membuat teguran atau tindakan kepada pelawat yang tidak mematuhi peraturan hospital.

4.0 PERATURAN BAGI PENEMAN PESAKIT

- i. Seorang peneman sahaja dibenarkan menemani pesakit di wad terbuka.
- ii. Peneman tidak dibenarkan di wad kritikal, semi kritikal dan wad antenatal.
- iii. Suami dibenarkan menemani isteri semasa proses kelahiran normal di bilik bersalin.
- iv. Peneman perempuan sahaja dibenarkan menemani pesakit di wad perempuan kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan dengan keizinan Ketua Jururawat.
- v. Peneman mestilah sihat dan berumur dalam lingkungan 13 hingga 65 tahun.

5.0 LAWATAN DI LUAR WAKTU MELAWAT

- i. Pelawat tidak dibenarkan masuk ke dalam wad di luar waktu melawat yang ditetapkan, melainkan bagi situasi tertentu dengan kebenaran pihak pengurusan.
- ii. Lawatan oleh individu kenamaan (VIP) mesti mendapat kebenaran Pengarah Hospital.
- iii. Permohonan lawatan individu kenamaan mesti dilakukan melalui borang yang disediakan dan dihantar selewat-lewatnya 1 hari sebelum tarikh lawatan.
- iv. Waris yang mendapat panggilan daripada doktor bagi pesakit yang kritikal/ nazak dibenarkan **dua orang** pelawat sahaja dalam satu masa atau dengan kebenaran pihak wad (Ketua Jururawat/*Team Leader*) mengikut budi bicara.
- v. Ketua Jururawat/*Team Leader* hendaklah memastikan keadaan pelawat di dalam wad terkawal dan tidak mengganggu proses rawatan.

6.0 TANGGUNGJAWAB PELAWAT DAN PENEMAN

- i. Pelawat dan peneman digalakkan memakai pelitup muka dan mengamalkan sanitasi tangan semasa berada di dalam wad.
- ii. Pelawat dan peneman hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di Hospital USM.
- iii. Pelawat dan peneman hendaklah berkelakuan baik dan berpakaian sopan semasa berada di dalam kawasan hospital.
- iv. Pelawat dan peneman hendaklah berkomunikasi dengan baik semasa berurusan dengan pesakit dan semua kakitangan Hospital USM.
- v. Peneman hendaklah mendengar taklimat atau orientasi yang diberikan berkaitan dengan peraturan wad serta plan tindakan kecemasan.
- vi. Peneman mestilah menunjukkan Kad Kebenaran Menunggu sekiranya diminta oleh jururawat atau pengawal keselamatan.
- vii. Peneman hendaklah sentiasa berada di sisi pesakit dan tidak meninggalkan pesakit tanpa memaklumkan jururawat bertugas.
- viii. Sekiranya terdapat pertukaran peneman:
 - a. Pertukaran peneman hendaklah dimaklumkan kepada jururawat bertugas
 - b. Kad Kebenaran Menunggu yang baru akan diberikan dan yang lama wajib dipulangkan.
- ix. Peneman perlu keluar dari unit pesakit sekiranya diminta berbuat demikian oleh perawat semasa proses rawatan atau prosedur kepada pesakit, dan masuk semula apabila selesai.
- x. Pelawat dan peneman hendaklah memastikan kebersihan di unit pesakit, persekitaran dan selepas menggunakan tandas.
- xi. Setiap kerusi roda yang telah digunakan oleh pelawat dan peneman mestilah dikembalikan ke tempat yang telah disediakan.

- xii. Pelawat hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang disediakan oleh pihak hospital.
- xiii. Sebarang maklum balas atau aduan hendaklah dimaklumkan kepada staf atau dengan mengisi borang maklum balas melalui kod QR yang disediakan.

7.0 LARANGAN KEPADA PELAWAT DAN PENEMAN

- i. Dilarang mengambil sebarang bentuk gambar atau video di kawasan klinikal/ perawatan.
- ii. Dilarang mengganggu atau menggunakan kekerasan terhadap staf atau pesakit.
- iii. Dilarang berkomunikasi dengan perkataan yang tidak sopan, kesat, mengancam dan menghina staf atau pesakit.
- iv. Dilarang membawa makanan atau buah-buahan yang berbau kuat dan ada kesan warna seperti buah durian, manggis dan lain-lain.
- v. Dilarang membawa sebarang bentuk bahan terlarang termasuk senjata tajam, senjata api, mercun, bahan mudah terbakar, dadah atau minuman beralkohol.
- vi. Dilarang membawa peralatan elektrik seperti kipas kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan dan mendapatkan kebenaran daripada pihak wad.
- vii. Dilarang membawa peralatan tidur seperti tikar, toto, dan bantal ke dalam wad.
- viii. Dilarang berkumpul di pintu masuk / laluan utama ke wad.
- ix. Dilarang merokok dan menghisap rokok elektronik (vape) di dalam kawasan hospital. Denda akan dikenakan mengikut Akta Tembakau.
- x. Dilarang meludah di merata tempat dan dilarang mencuci tangan/ bekas makanan di luar tingkap.
- xi. Dilarang membawa barangan berharga, sebarang kehilangan adalah tanggungjawab sendiri.
- xii. Dilarang membawa haiwan peliharaan seperti kucing, anjing dan sebagainya.
- xiii. Dilarang merosakkan fasiliti dan kemudahan yang disediakan.
- xiv. Dilarang membuat bising dan tidur di persekitaran fasiliti Hospital USM termasuk surau.

8. PENUTUP

Pihak Pengurusan Hospital USM sentiasa berusaha untuk memastikan semua pesakit mendapat perawatan yang selamat, berkesan, tepat pada masanya, berpaksikan pesakit, cekap dan adil untuk semua. Semoga semua staf, pesakit, waris dan pelawat dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam memastikan persekitaran yang selamat, aman dan harmoni untuk semua. Peraturan ini terpakai sehingga pindaan atau kemaskini terkini serta pemakluman rasmi daripada pihak pengurusan dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan dan larangan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan.

9. PENGHARGAAN

Penasihat : **YBhg Dato' Prof.Dr Nik Hisamuddin Nik Ab Rahman.**

Ahli Pasukan Petugas Pembangunan Polisi Pelawat dan Pesakit

BIL	NAMA	JABATAN/UNIT
1.	Dr. Juhaida Daud	Unit Klinikal
2.	Dr. Nurul Sakinah Binti Zabidi Azhar	Unit Klinikal
3.	En. Amyrulhan Bin Azhari	Pengarah Kampus
4.	Pn. Norwahidah Wahi	Kejururawatan
5.	Pn. Ruzita Md Yasin	Kejururawatan
6.	Pn. Ruslindawati Ramli @ Hussain	Kejururawatan
7.	En. Eady Othman	Keselamatan
8.	En. Wan Mohd Rashidi Bin Wan Mood	MPRC
9.	Pn Siti Sri Mas Ismail	MPRC

Semakan oleh :

Bil	Nama	Jabatan / Unit
1.	Prof Dr Mohd Imran Yusof	Timbalan Pengarah Operasi
2.	Dr Mohamed Asyraf Mohamed Daud	Timbalan Pengarah Infrastruktur dan Aset
3	Profesor Dr Zaidi Zakaria	Timbalan Pengarah Klinikal
4	Dr Ariffin Marzuki Mokhtar	Penyelaras Sistem Pengurusan Hospital
5	Cik Maimunah Hassan	Ketua Penyelia Jururawat

Dibentangkan oleh Prof. Dr Mohd Imran Yusof dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital USM pada 21 Mac 2024.

Disahkan oleh :

YBhg Dato' Prof. Dr Nik Hisamuddin Nik Ab Rahman

Pengarah Hospital USM

24hb Mac 2024

Semakan semula pada 30 Julai 2024